Restricted to COMPESTI Sdn Bhd customers only

# Premise®
## Cockroach Bait

RACUN SERANGGA GEL
**UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA**

**Perawis Aktif: imidacloprid............2.15% w/w**
**Perawis Lengai:..............................97.85% w/w**

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) BERLESEN SAHAJA**

**No. Pendaftaran: LRMP. R5/5166**

Kandungan Bersih: 1.2 kg (120 g x 10 kotak)

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput:

Batch No.:

Didaftarkan oleh: **Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd** (7563 M)
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm, No. 1,
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia. Tel.: 03-7801 3088

Jika berlaku **KERACUNAN,** sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:** 999

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**



LIPAS

**KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN** **KELAS IV** **JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**Premise Cockroach Bait** ialah rumusan gel yang sedia digunakan untuk mengawal lipas di kawasan komersial dan industri.

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.**

Suntik umpan di kawasan persembunyian lipas, hujung sudut di dalam almari, kabinet dan bawah sinki.

| KADAR SERANGAN | LIPAS JERMAN (*Blattella germanica*) | LIPAS AMERIKA (*Periplaneta americana*) |
|---|---|---|
| Sederhana | 1 titik se meter atau $m^2$ (2.1 mg imidacloprid) | 2 titik se meter atau $m^2$ (4.2 mg imidacloprid) |
| Teruk | 2 titik se meter atau $m^2$ (4.2 mg imidacloprid) | 3 titik se meter atau $m^2$ (6.3 mg imidacloprid) |

◯ Saiz gel yang dicadangkan berdiameter 5 mm bersamaan dengan 0.1 g **Premise Cockroach Bait.**

**Periksa tempat rawatan dengan kerap. Ulangi rawatan jika perlu atau bila umpan habis dimakan oleh lipas.**

**Panduan Mengumpan:** Letakkan umpan berhampiran sarang dan tempat lipas bersembunyi. Lakukan pemeriksaan selepas 24 jam dan tambah umpan jika telah habis dimakan.

**AWAS:** a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Pastikan cuci tangan sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak. **JANGAN** mengumpan racun ini di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak dan haiwan berguna.

**TANDA KERACUNAN: Tanda Awal:** Mual, muntah, cirit-birit, sakit perut, sakit kepala, kerengsaan (kemerahan, gatal), tremor (anggota badan bergetar), mengantuk, otot lemah, air liur berlebihan, anak mata mengecil, peluh berlebihan.
**Tanda Tertangguh:** Kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), sawan, koma.

**RAWATAN KECEMASAN:** Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.**
**JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

MY80039387F

Bayer

**勿貯藏在靠近食品或兒童所接觸的地方** **KELAS IV** **உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்**